



مجلس فريندران تايفينغ

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

Jalan Taming Sari
34000 Taiping
Perak Darul Ridzuan

Tel : 05-808 0777
Fax : 05-805 3000 / 806 8957
Email : mpt@mptaping.gov.my
Laman Web : www.mptaping.gov.my

JABATAN KEJURUTERAAN

NOTIS / IKLAN SEBUTHARGA

SEBUT HARGA (KERJA ELEKTRIK) SEBUTHARGA NO. : MPT/JK/S/49/18

Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor bertaraf **Bumiputera** yang berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) serta mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam **Gred G2 / G3, Kategori ME dan Pengkhususan E04 / E06 / E11** yang masih dibenarkan membuat sebutharga buat masa ini untuk kerja-kerja berikut :

KERJA-KERJA MEMBEKAL, MEMASANG, MENYELENGGARA SISTEM BEKALAN ELEKTRIK TERMASUK KELENGKAPAN DI BANGUNAN-BANGUNAN SERTA LAIN-LAIN YANG BERKAITAN KAWASAN SELENGGARAAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING (2018-2019)

Butir-butir kerja dan borang sebutharga boleh didapati di Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 3, Majlis Perbandaran Taiping bermula pada tarikh **12.09.2018** bersamaan hari **RABU** dengan harga RM 50.00.

Masa adalah seperti berikut :-

Hari Isnin hingga Khamis	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.30 tengahari. Mulai jam 2.15 petang hingga 4.00 petang.
Hari Jumaat	Mulai jam 8.15 pagi hingga 12.00 tengahari. Mulai jam 2.45 petang hingga 4.00 petang.

Dokumen sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Bagi maksud ini kontraktor hendaklah membawa dokumen asal Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera atau salinan yang diakui sah oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM / CIDB) dan juga Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) semasa membeli dokumen sebutharga.

Semua borang-borang sebutharga yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Taiping tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari **KHAMIS** bersamaan **20.09.2018**

(KAMARUZZAMAN BIN KAMARI)
Pengarah Kejuruteraan
b.p : Yang Dipertua, ✓
Majlis Perbandaran Taiping